



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-W)
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

Soalan Lazim - Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG

- 1. Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG?**
Anda boleh membeli perlindungan tambahan ini melalui MSIG Online atau hubungi penasihat insurans anda.
- 2. Produk Motor manakah yang boleh saya sertakan Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG ini?**
Anda boleh menyertakan perlindungan tambahan ini apabila anda mendaftar untuk mana-mana produk berikut:-
 - MSIG Private Car Comprehensive Policy,
 - MSIG Private Car with Driver's PA,
 - MSIG Motor Plus atau
 - MSIG Lady Motor Plus.
- 3. Adakah premium tambahan akan dikenakan untuk perlindungan tambahan ini?**
Tiada premium tambahan dikenakan.
- 4. Mengapakah tiada premium tambahan dikenakan?**
Perlindungan ini bukan untuk menambah perlindungan anda. Walau bagaimanapun, ia membolehkan anda mendapatkan diskaun premium untuk polisi Komprehensif anda berdasarkan pelan jarak perbatuan yang anda pilih.
- 5. Bolehkah pemegang polisi sedia ada menyertakan perlindungan tambahan ini pada pertengahan penggal?**
Anda hanya boleh menyertakan perlindungan tambahan semasa permulaan atau pembaharuan polisi motor utama anda. Pembelian pada pertengahan penggal tidak dibenarkan.
- 6. Bolehkah saya membatalkan polisi motor sedia ada saya yang tanpa perlindungan tambahan ini dan membeli semula polisi motor yang layak untuk perlindungan tambahan ini?**
Kami tidak menggalakkan anda untuk membatalkan polisi sedia ada kerana ia mungkin memberi kesan kepada cukai jalan anda dan/atau kos tambahan ditanggung disebabkan pembatalan polisi sedia ada anda.
- 7. Berapakah bilangan Pelan yang tersedia?**
Terdapat 3 Pelan Jarak Perbatuan Komprehensif tersedia untuk anda pilih:

Pelan	Pelan Jarak Perbatuan (km setahun)
A	0 hingga 5,000km
B	0 hingga 10,000km
C	0 hingga 15,000km

Pastikan anda memilih pelan mengikut penggunaan jarak perbatuan anda.

- 8. Adakah saya masih layak mendapat diskaun tanpa tuntutan (NCD) jika saya memilih perlindungan tambahan ini?**
Ya, anda masih layak mendapat NCD anda jika anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan.
- 9. Bolehkah saya mendapatkan pembayaran balik atau membawa ke hadapan jarak perbatuan saya yang tidak digunakan?**
Tiada pembayaran balik untuk sebarang jarak perbatuan yang tidak digunakan dan tidak dibenarkan untuk dibawa ke hadapan.
- 10. Bolehkah saya membeli Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG jika kereta saya masih di bawah pinjaman Sewa Beli?**
Ya, anda perlu memaklumkan pembiaya anda. Walau bagaimanapun, anda perlu mengekalkan perlindungan Komprehensif semasa tempoh insurans ketika anda dalam Perjanjian Sewa Beli.



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-W)
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

Sekiranya anda melebihi jarak perbatuan yang diperuntukkan dan jarak perbatuan tambahan tanpa tambah nilai, anda hanya akan dilindungi di bawah perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian, oleh itu, insurans ini tidak akan melindungi kewajipan kewangan anda. Sila pastikan anda memilih pelan mengikut penggunaan jarak perbatuan anda.

11. **Kereta saya digunakan untuk e-hailing, bolehkah saya membeli Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG?**
Tidak.

12. **Apakah yang perlu saya ketahui?**
Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan bagi kerosakan pada kenderaan anda akibat kemalangan, sekiranya odometer kereta anda:
- Telah diubah atau dimanipulasi; atau
 - Tidak betul pada tarikh permulaan Polisi; atau
 - Odometer kereta anda tidak berfungsi dan anda gagal membaikinya

13. **Siapakah yang layak untuk membeli Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG?**
Hanya pemegang polisi individu yang dinamakan boleh membeli dengan syarat umur kenderaan tidak melebihi 15 tahun dan dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

14. **Apakah yang perlu saya lakukan sebelum membeli perlindungan tambahan ini?**
1. Sila pastikan anda memiliki telefon pintar dengan sistem pengendalian iOS atau Android bersama pelan data mudah alih.
 2. Sediakan bacaan terkini odometer kereta anda untuk pengisytiharan semasa pembelian perlindungan tambahan.

15. **Mengapakah nombor telefon bimbit diwajibkan semasa pembelian polisi?**
Ini kerana anda akan menerima SMS dengan pautan untuk memuat turun Aplikasi MSIG EZ-Mile melalui telefon bimbit anda.

16. **Apakah yang perlu saya lakukan selepas membeli perlindungan tambahan ini?**
1. Muat turun App MSIG EZ-Mile daripada Apple App Store / Google Play Store.
 2. Daftar untuk akaun dengan 6 digit terakhir nombor Kad Pengenalan (NRIC)/ Pasport, nombor plat kereta, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel anda.
 3. Masukkan kod pengesahan 4 digit yang anda terima melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) / E-mel.
 4. Isikan alamat penghantaran pilihan anda untuk memulakan proses penghantaran Microtag MSIG. Peranti akan dihantar kepada anda secara Percuma dalam masa 10 hari sebelum tarikh mula polisi dan akan mengambil masa sehingga 7 hari bekerja untuk anda terima.
 5. Setelah pendaftaran berjaya, anda akan menerima log masuk anda melalui SMS dan e-mel.

Sila rujuk [To Register and Receive Device](#) untuk panduan video yang mudah.

17. **Apakah yang perlu saya lakukan selepas menerima Microtag MSIG?**
1. Buka kotak Microtag MSIG dan lekatkan dalam kereta anda. Pastikan peranti dipasang dengan betul dan dalam jangkauan anda untuk membolehkan anda menekan butang MSIG sekiranya berlaku kecemasan.
 2. Hidupkan Microtag MSIG dengan menekan butang MSIG pada peranti dan tunggu 3 bip, log masuk ke App dan pilih "Go to the device", klik "Search" untuk mencari Microtag dan tekan "Click to pair me" untuk dipadankan. Sila pastikan anda menghidupkan Bluetooth anda semasa pengaktifan dan menerima semua kebenaran yang diperlukan.
 3. Patuhi garis masa untuk mengemas kini bacaan odometer anda untuk memastikan jarak perbatuan Microtag MSIG dan jarak perbatuan bacaan odometer anda diselaraskan.

Nota: Peringatan akan dihantar kepada anda pada tarikh permulaan polisi untuk menyerahkan gambar tepat bacaan odometer kereta anda dalam masa 3 hari untuk mengemaskini bacaan odometer terkini anda. Jika anda gagal berbuat demikian, bacaan odometer yang telah diserahkan



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-W)
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

kepada kami semasa pembelian polisi akan digunakan untuk mula mengukur jarak perbatuan untuk pelan yang anda beli.

Sila rujuk [Fitment and Activation](#) untuk panduan video yang mudah.

18. **Bagaimanakah jika saya tidak menerima Microtag MSIG?**
Anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan MSIG di: 1-800-88-MSIG (6744).
19. **Adakah terdapat tarikh akhir untuk pengaktifan Microtag MSIG?**
Anda disyorkan untuk melengkapkan pemasangan dan mengaktifkannya dalam masa 7 hari selepas menerima Microtag MSIG untuk memastikan anda menikmati perlindungan Komprehensif dan manfaat penuh peranti.
20. **Adakah terdapat sebarang caj untuk peranti Microtag MSIG?**
Anda akan menerima 1 peranti percuma yang dihantar ke alamat surat-menyurat anda secara percuma. Walau bagaimanapun, anda perlu menanggung bayaran penggantian sebanyak RM90 jika peranti hilang atau rosak.
21. **Bilakah saya perlu menyerahkan gambar jarak perbatuan odometer?**
 - Pada tarikh permulaan polisi untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya. Kami akan memberi tempoh tangguh selama 3 hari dari tarikh permulaan Polisi untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya untuk mengemas kini bacaan dan gambar odometer Kereta Anda. Sekiranya anda tidak berbuat demikian, bacaan odometer yang anda serahkan dan kami masukkan semasa pembelian polisi untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya akan dianggap sebagai bacaan odometer yang betul untuk mula mengukur jarak perbatuan untuk pelan yang anda beli.
 - Dan seterusnya pada selang masa 3 bulan sepanjang tempoh polisi.
 - Apabila anda membeli tambah nilai jarak perbatuan.
22. **Bagaimanakah cara untuk saya menyerahkan dan mengemas kini bacaan dan gambar odometer saya?**
Anda boleh menyerahkan bacaan odometer anda dengan mengakses App MSIG EZ-Mile dan memuat naik gambar odometer anda melalui bahagian "Update Odometer"
23. **Adakah jarak perbatuan Microtag MSIG sama dengan bacaan jarak perbatuan odometer kereta saya?**
Jarak perbatuan Microtag MSIG bergantung pada sistem kedudukan global (GPS), sistem navigasi radio berasaskan satelit melalui sambungan telefon pintar anda, maka terdapat kemungkinan sedikit perbezaan antara keduanya.
Untuk menyelaraskan GPS dan jarak perbatuan odometer kereta, sila kemas kini bacaan odometer melalui bahagian "Submit Odometer" pada App MSIG EZ-Mile.
App MSIG EZ-Mile juga akan menghantar peringatan kemas kini odometer kepada anda dari semasa ke semasa.
24. **Bagaimanakah saya memantau jarak perbatuan saya?**
Dengan menyerahkan gambar dan bacaan odometer anda melalui App MSIG EZ-Mile, jarak perbatuan Microtag MSIG kemudiannya akan diselaraskan dengan jarak perbatuan sebenar dari odometer kereta anda.
App MSIG EZ-Mile akan membaca data dan menghantar peringatan untuk melakukan tambah nilai kepada anda melalui pemberitahuan dan e-mel.
Microtag MSIG disambungkan secara automatik ke App MSIG EZ-Mile melalui Bluetooth, dan anda akan dimaklumkan setiap kali melalui pemberitahuan App dan bunyi bip Microtag.
Setiap kali pemanduan anda disambungkan ke Microtag MSIG, App akan secara automatik merekodkan jarak perbatuan GPS dalam Masa Nyata untuk setiap perjalanan.
Anda boleh memantau jarak perbatuan Microtag MSIG dalam App selepas setiap perjalanan.



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-W)
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

Sekiranya anda terlepas rakaman secara tidak sengaja, anda boleh menyerahkan bacaan odometer anda melalui bahagian App "Submit Odometer" untuk menyelaraskan jarak perbatuan Microtag dengan jarak perbatuan dari odometer kereta.

Sila rujuk [Inception Odometer Update & Mileage Monitoring](#) untuk panduan video yang mudah.

25. **Adakah Microtag MSIG disertakan dengan tempoh waranti?**
Microtag MSIG disertakan dengan waranti 1 tahun kecuali berlaku kehilangan atau kerosakan akibat penyalahgunaan, diusik atau gangguan dan pengubahan yang tidak dibenarkan oleh pihak yang diinsuranskan. Waranti hanya meliputi kecacatan pembuatan.
26. **Jika saya membatalkan polisi/menjual kereta saya, adakah saya perlu memulangkan Microtag MSIG saya?**
Tidak, anda tidak perlu memulangkan peranti jika anda membatalkan polisi, memilih untuk tidak memperbaharui dengan kami atau apabila anda menjual kereta anda. Walau bagaimanapun, anda tidak lagi akan menikmati manfaat Microtag MSIG selepas pembatalan.
27. **Adakah saya akan menerima Microtag MSIG baharu untuk pembaharuan seterusnya?**
Tidak, Microtag MSIG yang sama boleh digunakan untuk pembaharuan.
28. **Saya kehilangan Microtag MSIG saya secara tidak sengaja, bagaimanakah saya boleh mendapatkan pengganti?**
Anda boleh meminta penggantian Microtag MSIG dengan menghubungi Helpdesk Microtag di 03-5888 0005 atau dengan mengisi borang Dalam App Helpdesk Microtag.
Pembekal perkhidmatan kami akan memberikan kepada anda Microtag MSIG pengganti dalam masa 9 hari bekerja dari tarikh kejadian terakhir.
Caj penggantian RM90 akan dikenakan oleh pembekal perkhidmatan kami untuk penggantian peranti.
29. **Adakah App MSIG EZ-Mile akan menghabiskan bateri telefon pintar saya?**
App MSIG EZ-Mile telah direka bentuk untuk mengawal penggunaan bateri dengan cekap dengan memastikan penggunaan yang minimum. Ia hanya merekodkan perjalanan anda sahaja, apabila disambungkan ke Microtag MSIG anda.
30. **Berapa lamakah bateri Microtag MSIG bertahan?**
Microtag MSIG disertakan dengan bateri percuma dengan jangkaan jangka hayat 1 tahun, bergantung pada penggunaan.
31. **Bagaimanakah cara saya menggantikan bateri Microtag MSIG?**
Apabila bateri Microtag MSIG anda rendah, anda akan menerima pemberitahuan bateri rendah dan status bateri pada App MSIG EZ-Mile akan bertukar kepada rendah.
Anda boleh menggantikan sendiri bateri syiling CR2032 yang baharu dengan mudah.
Tarik slot sisi Microtag MSIG, gantikan dengan bateri baharu dan tolak slot masuk semula.
Tekan butang Microtag MSIG sehingga ia berbunyi bip 3 kali untuk menghidupkannya.
- Sila rujuk [Battery Replacement](#) untuk panduan video yang mudah.
32. **Bagaimanakah saya tahu jika telefon pintar saya berjaya disambungkan ke Microtag MSIG? Adakah ia akan dipadankan secara automatik ke peranti sebelum setiap perjalanan?**
Anda akan dimaklumkan melalui pemberitahuan dan bunyi bip setiap kali Microtag MSIG berjaya disambungkan ke App MSIG EZ-Mile pada telefon pintar anda melalui Bluetooth.
33. **Adakah saya perlu menghidupkan App MSIG EZ-Mile setiap kali saya memandu?**
Tidak. Cuma pastikan telefon pintar dan Bluetooth anda dihidupkan kerana App MSIG EZ-Mile akan dipadankan secara automatik dengan Microtag MSIG dan berfungsi di latar belakang.
34. **Apakah kebenaran telefon pintar yang diperlukan untuk menggunakan App MSIG EZ-Mile?**

Semasa proses penyediaan App MSIG EZ-Mile, anda akan diminta untuk menerima dan membenarkan "All Permissions" seperti perkhidmatan GPS/Lokasi, data mudah alih/selular, Bluetooth dan Gerakan & Kecergasan.

Sila lihat panduan video dalam App pada Bahagian Kebenaran app untuk menyemak tetapan yang anda perlu tetapkan atau hubungi talian hotline 24 jam kami di 03-5888 0005 untuk mendapatkan bantuan dengan tetapan kebenaran.

Setelah diterima, App MSIG EZ-Mile akan sentiasa aktif pada telefon pintar anda.

Semak sama ada laluan perjalanan anda yang seterusnya dipaparkan dengan betul pada peta di bawah "Trip Review" untuk mengesahkan tetapan yang berjaya.

Sila pastikan bahawa "All Permissions" diterima atau anda mungkin menghadapi masalah dengan sambungan Microtag MSIG, rakaman jarak perbatuan, perkhidmatan bantuan kecemasan & kerosakan.

Kebenaran akan dipaparkan seperti jadual di bawah.

Once Accepted, SETTINGS should read:	iOS	ANDROID
Location Mode	 Always Allow	 High Accuracy
Bluetooth		
Mobile Data		
Background App running & AUTO Start		
Motion & Fitness		//
Start on phone reboot	//	
Battery Saving (Low Power mode)	 Disable	 Disable
Battery Optimization	 Disable	 Disable

35. Adakah saya akan dimaklumkan jika Bluetooth telefon pintar saya dimatikan?

Ya, anda akan dimaklumkan melalui pemberitahuan sekiranya anda mula memandu dengan Bluetooth dimatikan. Sila ambil perhatian bahawa Microtag mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk menyambung ke App jika, sebelum perjalanan, App ditutup dengan cara menatal ("slide closed") oleh pengguna atau jika Bluetooth telefon dimatikan ("OFF") dan dihidupkan ("ON") semula.

36. Bolehkah saya menggunakan Bluetooth kereta saya apabila Microtag MSIG disambungkan?

Ya. Microtag MSIG tidak akan mengganggu peranti Bluetooth lain kerana ia menggunakan teknologi Bluetooth Low Energy (BLE).

37. Adakah saya perlu sentiasa menghidupkan perkhidmatan lokasi?

Ya. App MSIG EZ-Mile perlu mengakses lokasi anda untuk mengesan dan merekodkan perjalanan anda dengan tepat apabila dipadankan dengan Microtag MSIG.

Ia juga membolehkan kami mengesan lokasi sebenar kereta anda apabila anda menekan butang SOS pada Microtag MSIG untuk memberikan bantuan kecemasan kepada anda.

Anda akan dihubungi oleh pusat panggilan kami secara automatik sekiranya berlaku kemalangan yang teruk.

38. Apakah yang berlaku apabila telefon pintar saya berada dalam mod kuasa rendah?

Lokasi dan fungsi Bluetooth akan dimatikan secara automatik. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk menyambungkannya ke pengecas dengan segera.

39. Bolehkah saya mendaftar lebih daripada 1 pemandu?

Ya. Anda boleh menjemput pemandu tambahan melalui bahagian "Drivers" dalam App MSIG EZ-Mile dan mereka akan menerima log masuk masing-masing melalui SMS. Walau bagaimanapun, anda perlu memastikan anda telah melengkapkan tindakan 16 dan 17 seperti yang dinyatakan dalam Soalan Lazim ini.

Untuk mengaktifkan akaun, setiap pemandu yang dijemput perlu log masuk ke App MSIG EZ-Mile dengan log masuk yang disediakan dengan mengklik "More" yang berada di bawah bahagian "My Device" dalam Halaman Utama.

Sila terima semua kebenaran yang diminta dan teruskan untuk mewujudkan sambungan satu kali ke Microtag MSIG.

Pemandu yang dijemput juga boleh MENGAKTIFKAN MOD PRIVASI untuk melumpuhkan keterlihatan lokasi data daripada pengguna utama.

Setiap pemandu akan mendapat manfaat perlindungan jalan raya dan menyumbang kepada rakaman jarak perbatuan.

40. **Adakah pemandu tambahan saya perlu memadankan App MSIG EZ-Mile dengan Microtag?**
Adalah penting untuk memastikan pemandu tambahan memadankan Microtag MSIG yang sama untuk menyelaraskan dengan jarak perbatuan sebenar dari odometer kereta anda.
41. **Berapakah bilangan Microtag MSIG yang akan saya terima jika saya menginsuranskan kedua-dua kereta dengan Perlindungan Tambahan: EZ-Mile MSIG?**
Setiap kereta akan mempunyai Microtag sendiri dan tidak boleh digunakan secara bergantian.
42. **Bagaimanakah cara saya memautkan 2 Microtag MSIG yang berasingan menggunakan 1 telefon pintar?**
App MSIG E-Mile boleh menampung lebih daripada 1 Microtag/kenderaan.
43. **Apakah yang berlaku jika berbilang telefon pintar yang dipautkan ke Microtag MSIG yang sama, masuk kereta yang sama secara serentak?**
Rakaman jarak perbatuan akan berdasarkan telefon pintar pertama yang disambungkan dengan Microtag MSIG.
Untuk membatalkan sambungan dengan telefon pintar pertama, sila matikan Bluetooth telefon pintar pertama untuk membolehkan telefon pintar lain disambungkan dengan Microtag MSIG.
Setelah telefon kedua berjaya disambungkan, anda boleh menghidupkan semula Bluetooth telefon pintar pertama.
44. **Apakah Amaran Pemanduan Selamat dan bagaimanakah ia berfungsi?**
Amaran ini sebenarnya ialah amaran yang berfungsi sebagai peringatan untuk anda meletakkan telefon anda dan lebih fokus dalam pemanduan anda.
Apabila telefon diangkat dan digunakan semasa memandu melebihi 20Km/j selama lebih daripada 3 saat, Microtag MSIG akan membunyikan amaran bip Masa Nyata untuk mengingatkan pemandu supaya berhati-hati, membantu mengelakkan gangguan telefon dan memastikan semua penumpang selamat.
Adalah sangat disyorkan untuk sentiasa mengaktifkan amaran ini.
Namun begitu, anda boleh memilih untuk mematikan ("OFF") amaran ini melalui halaman peranti.

Sila rujuk [Safe Driving Alert](#) untuk panduan video yang mudah.
45. **Siapakah yang perlu saya hubungi jika kereta saya rosak?**
Anda dengan mudah boleh meminta bantuan daripada MSIG Motor Assist hanya dengan menekan dan menahan butang pada Microtag MSIG selama 2 saat.
Microtag MSIG kemudiannya akan mula berbunyi bip selama 15 saat dan lokasi anda akan dihantar secara automatik kepada MSIG Motor Assist yang akan menghubungi anda untuk membantu.
Untuk membatalkan ("CANCEL") permintaan MSIG Motor Assist, tekan butang sekali lagi dalam masa 15 saat selepas mencetuskan amaran bip.

Sila rujuk [bCall - Roadside Assist](#) untuk panduan video yang mudah.
46. **Apakah yang berlaku jika saya terlibat dalam kemalangan yang teruk?**
App MSIG EZ-Mile direka bentuk supaya ia secara automatik mengesan kemalangan teruk pada telefon pintar anda.
Setelah dikesan, Microtag MSIG akan mula berbunyi bip selama 15 saat dan butiran kemalangan anda akan dihantar secara automatik ke Pusat Panggilan kami yang sah yang akan menghubungi anda untuk membantu.
Untuk membatalkan ("CANCEL") permintaan bantuan, tekan butang dalam masa 15 saat dari isyarat bip untuk menunjukkan bahawa anda selamat.

Sila rujuk [eCall - Automatic Accident Alert & Emergency Response](#) untuk panduan video yang mudah.



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705 (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)

www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

47. **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya perlu membuat tuntutan?**
Anda boleh memuat turun App MSIG Customer yang tersedia di Apple App Store / Google Play Store dan mendaftarkan tuntutan. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan kami di 1-800-88-MSIG (6744) atau penasihat insurans anda.
48. **Apakah jenis maklumat yang dirakam oleh Microtag MSIG dan apakah yang akan dilakukan oleh MSIG pada data saya?**
Apabila disambungkan ke App MSIG EZ-Mile, lokasi, jarak perbatuan dan data pemanduan anda termasuk kelajuan, brek dan kekerapan anda menggunakan telefon pintar anda semasa memandu akan dirakam. Ini adalah data telematik yang akan digunakan untuk tujuan merekodkan perjalanan dan menentukan lokasi anda yang tepat untuk kami memberikan bantuan kecemasan kepada anda apabila diperlukan sekiranya berlaku kemalangan.
49. **Bolehkah saya menarik diri daripada menjadi pelanggan telematik?**
Tidak. Dengan pembelian perlindungan tambahan ini, data telematik anda akan dirakam secara automatik oleh kami.
50. **Siapakah yang boleh melihat data telematik saya?**
MSIG dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang kami lantik untuk menguruskan infrastruktur perkhidmatan akan mempunyai akses kepada data telematik anda.
51. **Adakah Microtag MSIG akan menjejaki saya semasa saya memandu?**
Anda hanya akan dijejaki sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan, supaya anda akan diberikan bantuan segera.
52. **Bolehkah Microtag MSIG menjejaki lokasi terakhir kereta saya yang diketahui?**
Penjejakan lokasi adalah pada tapak terakhir di mana Microtag dipadankan dengan App MSIG EZ-Mile.
53. **Bagaimanakah jika saya memandu ke tempat letak kereta bawah tanah atau beberapa lokasi terpencil? Adakah Microtag MSIG masih merakam data telematik saya?**
MSIG Microtag akan dapat menangkap data telematik selagi ia disambungkan ke Aplikasi (kecuali untuk data GPS kerana isyarat satelit disekat).
54. **Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menghadapi masalah teknikal dengan Microtag MSIG saya?**
Untuk masalah teknikal berkaitan Microtag MSIG, anda boleh menghubungi Helpdesk Microtag di 03-5888 0005 (talian hotline 24 jam) atau anda boleh memberikan maklum balas anda melalui borang dalam App, Helpdesk Microtag MSIG EZ-Mile dan kami akan menghubungi anda untuk membantu. Untuk masalah berkaitan insurans, anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan MSIG di 1-800-88-MSIG (6744)
55. **Bolehkah saya membeli tambah nilai jarak perbatuan selepas melebihi jarak perbatuan yang diperuntukkan dan jarak perbatuan tambahan saya?**
Ya. Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk membeli tambah nilai jarak perbatuan sebelum menghabiskan jarak perbatuan yang diperuntukkan dan jarak perbatuan tambahan kerana perlindungan Komprehensif anda hanya akan berterusan dari masa tambah nilai jarak perbatuan dibeli.
Jika anda telah melebihi jarak perbatuan diperuntukkan dan jarak perbatuan tambahan, dan anda belum menambah nilai, anda hanya akan dilindungi untuk Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian.
56. **Bagaimanakah saya boleh membeli tambah nilai jarak perbatuan?**
Anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan kami di 1-800-88-MSIG (6744) atau penasihat insurans anda.